



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 1 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11.	MAFI PERKENAL TERNAK UDANG DALAM SAWAH, SH -ONLINE MAFI PERKENAL PROJEK TERNAK UDANG GALAH DALAM SAWAH PADI, BERNAMA -ONLINE TERNAK UDANG GALAH DI SAWAH, HM -ONLINE PROJEK INTEGRASI TAMBAH PENDAPATAN PESAWAH, KOSMO -ONLINE AGRICULTURE MINISTRY INTRODUCE FRESHWATER PRAWN FARMING TO BOOST PADDY FARMER'S INCOME, NEWS E DAY -ONLINE SIN CHEW DAILY -ONLINE DROUGHT DID NOT AFFECT FOOD INDUSTRY, SIN CHEW DAILY -ONLINE INTEGRASI TERNAK UDANG, TANAM PADI, NASIONAL, SINAR AHAD -28 PENUBUHAN LEMBAGA RUMINAN BANTU TINGKAT PENGELUARAN MAKANAN, NASIONAL, SINAR AHAD -28 LONJAK HASIL PESAWAH, NEGARA, KOSMO AHAD -11 PROJEK INTEGRASI PADI, UDANG GALAH BANTU PESAWAH, NASIONAL, BH AHAD -20	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
12. 13. 14.	RAMPAS 24 TAN KERATAN AYAM, 1.2 TAN ISI IKAN, NASIONAL, BH AHAD -22 PGA RAMPAS SARANG BURUNG LAYANG-LAYANG, VAPE RM410,000, NASIONAL, BH AHAD -22 RAMPAS 1.2 TAN ISI IKAN DARI INDONESIA, LOKAL, METRO AHAD -12	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
15. 16. 17. 18. 19.	PROJEK LEMBU SIR LADANG, LOKAL, METRO AHAD -12 MORE SUSTAINABLE AGRICULTURAL PRODUCTS NEEDED IN SABAH, BORNEO POST (KK) -ONLINE MANFAAT TEKNOLOGI FERTIGASI, XPRESI, METRO AHAD -36 & 37 DURIAN LINGAI, LOKAL, METRO AHAD -13 TIMUN BABY FERTIGASI, LOKAL, METRO AHAD -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI perkenal ternakan udang dalam sawah



Ronald melepaskan anak udang di dalam kawasan pertanian integrasi melibatkan tanaman padi dan ternakan udang di Seberang Perak, pada Sabtu.

PASIR SALAK - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperkenalkan projek rintis pertama integrasi tanaman padi dan udang galah dalam sawah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, projek tersebut dilaksanakan di Kawasan Pembangunan Pertanian

Bersepadu (IADA) Seberang Perak dengan kerjasama syarikat Thirty Three Management Sdn Bhd untuk meningkatkan pendapatan pesawah.

Menurutnya, pesawah yang terlibat dalam projek tersebut dijangka mendapat pulangan dianggarkan melebihi RM10,000 dengan jualan hasil padi dan udang galah bagi keluasan satu hektar berbanding hanya RM5,000 dengan purata hasil padi dengan keluasan yang sama.

"Projek ini juga akan menambahkan pendapatan kepada pesawah yang akan diusahakan selama tiga bulan, dan udang galah selama lima bulan sebelum hasil dituai.



Ronald (dua dari kanan) mendengar taklimat mengenai pertanian integrasi melibatkan tanaman padi dan ternakan udang di Seberang Perak, pada Sabtu.

"Projek rintis ini melibatkan keluasan satu hektar lebih dengan pembahagian 70 peratus tanaman padi dan 30 peratus ternakan udang galah," katanya kepada pemberita selepas meninjau pelaksanaan tanaman padi menerusi kaedah Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di Felcra Seberang Perak,

di sini pada Sabtu.

Hadir sama pada program itu, Timbalan Menteri MAFI I, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Menteri MAFI II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd dan Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Azman Mahmood.

Ronald berkata, berdasarkan taklimat yang diberikan oleh pihak syarikat yang mengendalikan projek integrasi tersebut, hasil pendapatan udang galah itu merupakan satu unjuran menguntungkan pesawah yang terlibat dalam pertanian integrasi ini.

Projek rintis tersebut ujarnya, akan dipantau bagi melihat kesesuaian serta keberkesanan dari segi hasil dan sebagainya.

Katanya, jika dapatan hasil projek rintis tersebut memberangsangkan, ia akan diperluas ke kawasan lain yang dicadangkan iaitu kawasan IADA Pekan dan IADA Rompin, Pahang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2021	BERNAMA	ONLINE	

MAFI perkenal projek ternak udang galah dalam sawah padi



Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiang (dua, kanan) melihat tanaman padi wangi tempatan ketika lawatan kerja ke Kawasan Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak hari ini. Turut sama Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawil (kiri).

PASIR SALAK, 31 Julai – Sawah padi dalam Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak di sini, menjadi lokasi Projek Rintis Integrasi Tanaman Padi dan Ternakan Udang Galah bersama syarikat swasta, untuk meningkatkan pendapatan pesawah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, projek seluas lebih satu hektar dengan kerjasama Felcra Seberang Perak dan Thirty Three Management Sdn Bhd itu, menggunakan baja organik bebas kimia untuk membolehkan tanaman padi dan penternakan udang galah dilaksanakan serentak, bermula Mei lepas.

Katanya pesawah yang terlibat dalam projek tersebut dijangka mendapat pulangan dianggarkan melebihi RM10,000 dengan jualan hasil padi dan udang galah bagi keluasan satu hektar, berbanding hanya hasil padi dengan purata RM5,000 untuk keluasan yang sama.

"Penanaman padi dibahagikan kepada 70 peratus manakala 30 peratus kawasan projek ini dijalankan ternakan udang galah.

"Ini juga menambah pendapatan dengan hasil tuaian padi selama kira-kira tiga bulan, manakala udang galah selepas lima bulan," katanya pada sidang media selepas melawat Kawasan Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di sini hari ini.

Ronald berkata projek yang sama sedang dirancang untuk diusahakan di kawasan IADA Pekan dan IADA Rompin di Pahang dalam masa terdekat.

Menurutnya, projek berkenaan mementingkan penggunaan baja bebas kimia untuk membolehkan penternakan udang dijalankan serentak, di samping turut mempromosikan beras dan udang galah organik buatan Malaysia yang berkualiti tinggi kepada pasaran tempatan dan luar negara.

Selain itu, katanya, program SMART SBB juga akan dilaksanakan di kawasan Felcra Seberang Perak melibatkan keluasan 140 hektar yang dijangka meningkatkan pendapatan pesawah sebanyak 47 peratus atau RM2,521 per hektar.

Beliau berkata sebuah syarikat peneraju di kawasan tersebut, FGV Integrated Farming Holdings Bhd, akan memfokuskan kepada penanaman padi wangi MRQ76 keluaran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dengan kerjasama IADA Seberang Perak dan FELCRA Plantation Services Sdn. Bhd.

Katanya padi wangi itu mampu memberikan pulangan tinggi iaitu sebanyak RM1,540 per tan metrik berbanding padi putih yang dijual sebanyak RM1,200 per tan metrik.

SMART SBB merupakan suatu program penyatuan tanah sawah berskala besar, bermatlamat meningkatkan produktiviti sawah melalui pengurusan sumber secara optimum dan cekap.

Ia bertujuan meningkatkan pendapatan pesawah dan pengusaha dengan jalinan kerjasama pintar dan strategik antara sektor awam dan swasta melibatkan beberapa syarikat peneraju.

- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	NUKA SURAT
1/8/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Ternak udang galah di sawah [METROTV]



Seberang Perak: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperkenalkan projek rintis integrasi tanaman padi dan ternakan udang galah pertama di negara ini untuk meningkatkan pendapatan pesawah.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, projek berkenaan dilaksanakan di Seberang Perak oleh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak dengan kerjasama syarikat Thirty Three Management Sdn. Bhd.

Menurutnya, ia membabitkan tanah seluas lebih satu hektar dengan nisbah pembahagian 70 peratus tanaman padi, manakala 30 peratus lagi adalah ternakan udang galah.

"Projek ini juga akan menambahkan pendapatan pesawah, jadi (mendapat) hasil pada tuaian padi dan juga udang galah. Padi akan diusahakan selama tiga bulan, manakala udang galah lima bulan yang boleh memberikan hasil tambahan.

"Projek sama juga dirancang akan diusahakan di kawasan IADA Pekan dan IADA Rompin, Pahang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau pelaksanaan tanaman padi menerusi kaedah Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di FELCRA Seberang Perak, di sini, hari ini.



DR Ronald Kiandee (tengah) melepaskan benih udang galah di Seberang Perak. FOTO Noor Hidayah Tanzizi

Turut hadir, Timbalan Menteri MAFI I, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Menteri MAFI II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd dan Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras,

Azman Mahmood.

Ronald berkata, pendapatan udang galah adalah unjuran yang mengalakkan dan menguntungkan kepada pesawah.

"Pesawah yang terbabit dalam projek ini dijangka mendapat pulangan dianggarkan melebihi RM10,000 dengan jualan hasil padi dan udang galah bagi keluasan satu hektar berbanding hanya hasil padi dengan purata anggaran sekitar RM5,000 pada keluasan yang sama," katanya.

Ronald berkata, sawah padi seluas 140 hektar di kawasan FELCRA Seberang Perak sedang diusahakan menerusi program SMART SBB yang menjadi salah satu inisiatif MAFI bagi mempertingkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu sebanyak 75%.

Katanya, inisiatif SMART SBB dijangka dapat meningkatkan pendapatan pesawah sebanyak 47 peratus atau RM2,521 per hektar semusim berbanding kaedah sebelum ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2021	KOSMO	ONLINE	

Projek Integrasi tambah pendapatan pesawah



PASIR SALAK – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperkenalkan projek rintis integrasi tanaman padi dan ternakan udang galah dalam menambah pendapatan pesawah.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, program berkenaan akan dilaksanakan oleh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak dengan kerjasama syarikat Thirty Three Management Sdn. Bhd.

Menurut Ronald, projek yang turut dirancang akan diusahakan di kawasan IADA Pekan dan Rompin Pahang ini dijangka memberi pulangan melebihi RM10,000 bagi hasil jualan padi dan udang galah melibatkan keluasan satu hektar.

“Ia merupakan sebahagian daripada program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) yang akan menambahkan pendapatan kepada pesawah melalui hasil tuaian padi dan juga udang galah.

“Padi akan diusahakan selama tiga bulan atau kira-kira 100 hari manakala udang galah pula lima bulan dan selepas itu ia akan menghasilkan pendapatan tambahan kepada pesawah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau pelaksanaan tanaman padi menerusi kaedah SMART SBB di Felcra Seberang Perak, di sini, hari ini. – K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2021	NEWS & DAY	ONLINE	

Agriculture Ministry introduces freshwater prawn farming to boost paddy farmers' income

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiandee speaking at the Srikanda Muda Programme in Kuala Lumpur, April 23, 2021. — Bernama pic

Follow us on [Instagram](#) and subscribe to our [Telegram](#) channel for the latest update

PASIR SALAK, July 31 — The Seberang Perak Integrated Agricultural Development Area (IADA) has become the first location for the implementation of the paddy and udang galah (freshwater prawn) integration pilot project with private companies, to increase farmers' income.

Agriculture and Food Industries Minister, Datuk Seri Ronald Kiandee, said that the project, involving more than one hectare of land, in collaboration with Felcra Seberang Perak and Thirty Three Management Sdn Bhd, which produced chemical-free organic fertiliser to enable freshwater prawn farming to be conducted simultaneously, was implemented in May this year.

“The main purpose of the project, which is an ecosystem of simultaneous paddy-freshwater prawn, is to increase farmers' income compared with using previous cultivation methods.

“Paddy cultivation occupies 70 per cent (of the area) while 30 per cent of the project area is for freshwater prawn farming.

“This also increases income, with the harvest of paddy for about three months while the prawns will take about five months,” he said at a press conference, after a working visit to the Large-scale Smart Paddy Field Project (Smart SBB) here today.

He said that the project was being planned to be expanded to IADA Pekan and IADA Rompin, Pahang in the near future.

Ronald said that the farmers involved in the project were expected to get an estimated return of more than RM10,000 per hectare from the sale of paddy and prawns compared with only RM5,000 if relying on paddy harvest alone.

According to him, this project emphasises the use of chemical-free fertilisers to enable prawn farming, and indirectly promotes quality rice and organic prawns in the country, and higher value to local and foreign markets.

Apart from that, he said that the SBB SMART programme will also be implemented in the Felcra Seberang Perak area, involving an area of 140 hectares, which is expected to increase farmers' income by 47 per cent or RM2,521 per hectare.

He said that FGV Integrated Farming Holdings Bhd, which is one of the leading companies in the Felcra Seberang Perak area, will focus on the cultivation of MRQ76 fragrant paddy produced by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI), in collaboration with IADA Seberang Perak and FELCRA Plantation Services Sdn Bhd.

He said that the fragrant paddy was able to give a high return of RM1,540 per tonne compared with white paddy which was sold at RM1,200 per tonne.

SMART SBB is a large-scale paddy land consolidation programme which aims to increase productivity through optimal and efficient resource management, as well as increase the income of farmers and entrepreneurs through smart and strategic public-private partnerships involving several leading companies, including FGV Integrated Farming Sdn Bhd (FGVIF). — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2021	SIN CHEW DAILY	ONLINE	

酷热天气 | 天气炎热干燥 罗纳建迪：未接获报告有食品工业受影响

时事焦点

+ 关注

广告

(甘榜牙也31日讯) 农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪指出，该部至今没有接获国内有食品工业因炎热气候而遭受影响的报告，该部将会持续监督各种天灾情况，除了热天，还有水灾、疾病等等。

他今日到西柏朗霹雳联邦土地统一及复兴有限公司 (FELCRA Seberang Perak) 巡视智能大规模稻田计划 (Smart SBB) 后，在新闻发布会上受询时指出，政府通过该部，每年会在天灾援助计划下拨出一笔拨款。

“政府一直都为种植业提供类似这样的援助计划。”



FGV综合农业控股在西柏朗霹雳FELCRA区将焦点放在MRQ76香米品种上。左起是罗纳建迪、仄阿都拉。

西柏朗霹雳综合农业发展区域 (IADA) 与私人企业33集团合作，在西柏朗霹雳展开先驱计划，将大头虾养殖融入水稻种植，在稻田内放入大头虾苗，并使用非化学肥料让大头虾得以茁壮成长，是国内首个采用此稻田大头虾生态系统的计划；若一切顺利，估计可让稻农收入翻倍，从原本只种稻米的每公顷5000令吉收入，增至逾1万令吉！

罗纳建迪巡视该计划后表示，稻米种下后约3个月可收成，大头虾则是5个月；大头虾收成相信可带来不错的盈利，也能让稻农得到额外收入。

该先驱计划占地1公顷，70%用作种稻，30%养殖大头虾；5月初播种和放苗，预计分别在8月尾和10月头收成；罗纳建迪指出，收成后若赚幅理想，将会探讨扩至更大的区域。



若一切顺利，5月被放到稻田内的大头虾可在10月收成。图为罗纳建迪（前排左三）和仄阿都拉（左二）、万诺拉丝京（右起）和阿末展示成长后的大头虾。

罗纳建迪指出，农业及食品工业部目前在西柏朗霹雳FELCRA的141公顷土地上进行智能大规模稻田计划，是希望将国家稻米自给自足率提高至75%的努力之一。

他说，目前国内稻米产量仅够应付70%的国内需求，剩下30%仍需进口；根据农业部，智能大规模稻田计划预计可以提升稻农47%的收入或每季每公顷2521令吉。

“这是第二个和FGV一同展开的智能大规模稻田计划，之前在雪兰莪，那里的收成已经翻倍，平均每公顷超过4公吨，以往收成不到3公吨。”



将被放到水稻田内的大头虾苗。

他表示，在智能大规模稻田计划下，稻农或土地拥有者是计划的合伙人，此外还涉及包括各区农会和领头企业，领头企业可以是官联公司或私人企业，目前共有13家领头企业参与；政府无需付出任何额外开销，所有开销都由领头公司承担。

他说，该计划着重于更有效的管理系统及新技术的使用，比方用无人机监督稻田情况及喷洒肥料和农药。

出席者包括农业及食品工业部副部长拿督斯里阿末韩查和拿督仄阿都拉、霹靂州行政议员拿督再诺柏迪和拿督万诺拉丝京。



水稻田旁的地段，用来养殖大头虾苗。

广告

文章来源：星洲日报

作者：麦肖剑



01 AUG, 2021

Drought did not affect food industry

Sin Chew Daily, Malaysia

Page 1 of 2

農長：續關注天災 乾旱沒影響食品工業

【甘榜牙也31日讯】农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪指出，该部至今没有接获国内有食品工业因炎热气候受到影响的报告，该部将会持续监督各种天灾情况，除了干旱，还有水灾、疾病等等。

他今日到西柏朗霹靂联邦土地统一及复兴有限公司（FELCRA Seberang Perak）巡视智能大规模稻田计划（Smart SRI）后，在新闻发布会上受询时指出，政府通过该部，每年会在天灾援助计划下拨出一笔拨款。

“政府一直都为种植业提供类似这样的援助计划。”

水稻田试养殖大头虾

西柏朗霹靂综合农业发展区域（IADA）与私人企业33集团合作，在西柏朗霹靂展开先驱计划，将大头虾养殖融入水稻种植，在稻田内放入大头虾苗，并使用非化学肥料让大头虾得以茁壮成长，是国内首个采用此稻田大头虾生态系统的计划；若一切顺利，估计可让稻农收入翻倍，从原本只种稻来的每公顷5000令吉收入，增至逾1万令吉。

罗纳建迪巡视该计划后表示，稻米种下后约3个月可收成，大头虾则是5个月；大头虾收成相信可带来不错的盈利，也能让稻农得到额外收入。

该先驱计划占地1公顷，70%用作种稻，30%养殖大头虾；5月初播种和放苗，预计分别在8月尾和10月头收成；罗纳建迪指出，收成后若涨幅理想，将会探讨扩至更大的区域。

霹靂试跑智能大型稻田计划

罗纳建迪指出，农业及食品工业部目前在西柏朗霹靂FELCRA的143公顷土地上进行智能大规模稻田计划，是希望将国家稻米自给自足率提高至75%的努力之一。

他说，目前国内稻米产量仅够应付70%的国内需求，剩下30%仍需进口；根据农业部，智能大规模稻田计划预计可以提升稻农47%的收入或每季每公顷2521令吉。

“这是第二个和FCV一同展开的智能大规模稻田计划，之前在吉兰丹，那里的收成已经翻倍，平均每公顷超



水稻田旁的地段，用来养殖大头虾苗



若一切顺利，5月被放到稻田内的大头虾可在10月收成。罗纳建迪（前排左三）和瓜阿都拉（左二），万诺拉丝京（右起）和河末展示成长后的大头虾。

过4公吨，以往收成不到3公吨。”

他表示，在智能大规模稻田计划下，稻农或土地拥有者是计划的合伙人，此外还涉及包括各区农会和龙头企业，龙头企业可以是官联公司或私人企业，目前共有13家龙头企业参与；政府无需付出任何额外开销，所有开销都由龙头企业承担。

他说，该计划着重于更有效的管理系统及新科技的使用，比方用无人机监督稻田情况及喷洒肥料和农药。

出席者包括农业及食品工业部副部长拿督斯里阿末韩查和拿督瓜阿都拉，霹靂州行政议员拿督再诺柏迪和拿督万诺拉丝京。



01 AUG, 2021

Drought did not affect food industry

Sin Chew Daily, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

農長: 續關注天災 乾旱沒影響食品工業(甘榜牙也31日訊)

农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪指出，该部至今没有接获国内有食品工业因炎热气候受到影响的报告，该部将会持续监督各种天灾情况，除了干旱.还有水灾、疾病等等。他今日到西柏朗霹雳联邦土地统一及复兴有限公司 (FELCRA Seberang Perak) 巡视智能大规模稻田计划 (Smart SBB)后，在新闻发布会上受询时指出，政府通过

Integrasi ternak udang, tanam padi

Projek kerjasama rintis diperkenalkan MAFI dijangka meningkatkan pendapatan pesawah

Oleh SAIFULLAH AHMAD

PASIR SALAK

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperkenalkan projek rintis pertama integrasi tanaman padi dan udang galah bagi meningkatkan pendapatan pesawah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, projek tersebut di-

laksanakan di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak dengan kerjasama syarikat Thirty Three Management Sdn Bhd.

Menurutnya, projek rintis itu melibatkan keluasan satu hektar lebih dengan pembahagian 70 peratus tanaman padi dan 30 peratus ternakan udang galah.

Ujar beliau pesawah yang terlibat dalam projek itu dijangka mendapat pulangan dianggarkan melebihi RM10,000 dengan jualan hasil padi dan udang galah bagi keluasan satu hektar berbanding hanya RM5,000 dengan purata hasil padi dengan keluasan yang sama.

"Projek ini juga akan menambahkan pendapatan sawah yang akan diusahakan selama tiga bulan, dan udang galah selama lima bulan," katanya kepada pemberita selepas meninjau pelaksanaan tanaman padi menerusi kaedah Smart



Ronald melepaskan anak udang di dalam kawasan pertanian integrasi melibatkan tanaman padi dan ternakan udang di Seberang Perak pada Sabtu.

Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di FELCRA Seberang Perak, di sini pada Sabtu.

Hadir sama pada program itu, Timbalan Menteri MAFI I, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Menteri MAFI II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd dan Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Azman Mahmood.

Ronald berkata, berdasarkan taklimat yang diberikan oleh pihak syarikat yang mengendalikan projek integrasi tersebut, hasil pendapatan udang galah

itu merupakan satu unjuran menguntungkan pesawah yang terlibat dalam pertanian integrasi ini.

Projek rintis tersebut ujarnya, akan dipantau bagi melihat kesesuaian serta keberkesanan dari segi hasil dan sebagainya.

Katanya, jika dapatan hasil projek rintis tersebut memberangsangkan, ia akan diperluas ke kawasan lain yang dicadangkan iaitu kawasan IADA Pekan dan IADA Rompin, Pahang.

Sementara itu, sebanyak 140 hektar sawah di kawasan FELCRA Seberang Perak sedang diusahakan bawah program SMART SBB.

Ronald (dua dari kanan) mendengar taklimat mengenai pertanian integrasi melibatkan tanaman padi dan ternakan udang di Seberang Perak pada Sabtu.



Penubuhan Lembaga Ruminan bantu tingkat pengeluaran makanan

SEPANG - Penubuhan Lembaga Ruminan yang dijangka bermula secara berfasa pada tahun hadapan merupakan satu usaha dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi meningkatkan pengeluaran makanan berasaskan ruminan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, penubuhan lembaga berkenaan telah dicadangkan dan dipersetujui di peringkat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Makanan Negara sebelum ini.

Beliau berkata, penubuhan lembaga ini juga selari dengan hala tuju MAFI menerusi Dasar Agro Makanan Negara 2.0.

"Ini merupakan usaha bagi memartabatkan industri dan meningkatkan pengeluaran hasil berasaskan ruminan di negara ini," katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke ladang lembu dan kambing di Desa Vista, di sini pada Jumaat.

Menerusi lawatan berkenaan, Che

Abdullah berkesempatan meninjau salah sebuah ladang dimiliki oleh seorang pengusaha, Mohd Subhi Mohd Masuru, 51 yang memiliki lebih 300 ekor lembu dan kambing secara keseluruhan.

Dalam pada itu, Mohd Subhi berkata, sepanjang mengusahakan ternakan berkenaan, pihaknya berdepan beberapa cabaran namun berjaya diatasi hasil bantuan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

"Ketiadaan kemudahan seperti bilik penyejukan dan rumah sembelihan turut memberi kesan kepada perusahaan ternakan ini, namun DVS sentiasa membantu dalam memberi perkhidmatan seperti suntikan vaksin dan pengambilan darah berjadual," katanya.

Tambah Mohd Subhi, pihaknya mempunyai perancangan untuk meluaskan perusahaan perniagaan itu malah usaha ke arah itu sedang dilakukan ketika ini.

"Perancangan jangka panjang memang ada namun ia bergantung kepada modal yang ada," katanya.



Che Abdullah (diri) menyerahkan sijil kepada Mohd Subhi selepas lawatan kerja berkenaan, pada Jumaat.

Che Abdullah meninjau ternakan yang terdapat di ladang milik Mohd Subhi ketika lawatan kerja, pada Jumaat.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2021	KOSMO AHAD	NEGARA	11

MAFI sedia projek rintis integrasi padi, udang galah

Lonjak hasil pesawah

Oleh MOHAMAD HAFIZI
MOHD. SAID

PASIR SALAK – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperkenalkan projek rintis integrasi tanaman padi dan ternakan udang galah sebagai usaha membantu pesawah menambah pendapatan mereka.

Menterinya, Datuk Seri, Dr. Ronald Kiandee berkata, program berkenaan akan dilaksanakan oleh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak dengan kerjasama syarikat Thirty Three Management Sdn. Bhd.

Menurut Ronald, projek yang turut dirancang akan diusahakan di kawasan IADA Pekan dan Rompin Pahang ini dijangka memberi pulangan melebihi RM10,000 bagi hasil jualan padi dan udang galah melibatkan keluasan satu hektar.

"Ia merupakan sebahagian

daripada program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) yang akan menambahkan pendapatan kepada pesawah melalui hasil tuaian padi dan juga udang galah.

"Padi akan diusahakan selama tiga bulan atau kira-kira 100 hari, manakala udang galah pula lima bulan dan selepas itu ia akan menghasilkan pendapatan tambahan kepada pesawah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau pelaksanaan tanaman padi menerusi kaedah SMART SBB di Felcra Seberang Perak, di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri I MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Menteri II MAFI, Datuk Che Abdullah Mat Nawi dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd.

Menurut Ronald, pendapatan udang galah merupakan satu unsur yang menggalakkan serta

menguntungkan kepada pesawah.

"Ini merupakan satu projek perintis yang akan dipantau bagi melihat kesesuaian dan keberkesananannya dari segi hasil dan sebagainya.

"Sekiranya projek ini menguntungkan sudah pasti ia akan diperluaskan," katanya.

Sementara itu, Ronald berkata, pihak FGV Integrated Farming Holdings. Bhd. merupakan salah sebuah syarikat peneraju akan memfokuskan kepada penanaman padi wangi MRQ76.

Katanya, penanaman padi itu memberikan pulangan tinggi iaitu sebanyak RM1,540 per tan metrik berbanding padi putih yang dijual sebanyak RM1,200.

"FGV Holdings Berhad juga telah membangunkan sistem Fragrance Rice Fortified Field (3FR) yang direka khusus bagi pesawah-pesawah melalui pertanian kontrak," katanya.



RONALD (kiri) menunjukkan tanda bagus ketika melancarkan projek rintis integrasi tanaman padi dan udang galah untuk pesawah di Felcra Seberang Perak, Pasir Salak semalam.



Ronald (dua dari kanan) meninjau pelaksanaan tanaman padi menerusi kaedah SMART SBB di FELCRA Seberang Perak, semalam. (Foto BERNAMA)

Projek integrasi padi, udang galah bantu pesawah

Inisiatif SMART SBB dijangka tingkat perolehan RM2,521 per hektar semusim

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

Seberang Perak: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperkenalkan projek rintis integrasi tanaman padi dengan ternakan udang galah bagi meningkatkan pendapatan pesawah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang, berkata projek rintis itu dilaksanakan di Seberang Perak oleh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak dengan kerjasama syarikat Thirty Three Management Sdn Bhd.

Beliau berkata, ia membabitkan tapak seluas lebih satu hektar dengan nisbah pembahagian 70 peratus tanaman padi dan 30 peratus lagi adalah ternakan udang galah.

"Projek ini berupaya membantu menambah pendapatan pesawah daripada hasil tanaman padi dan ternakan udang galah. Ta-

naman padi diusahakan selama tiga bulan, manakala ternakan udang galah pula lima bulan.

"Projek sama juga dirancang bakal diusahakan di kawasan IADA Pekan dan IADA Rompin, Pahang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau pelaksanaan tanaman padi menerusi kaedah Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di FELCRA Seberang Perak, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, pesawah terbabit dijangka meraih pulangan dianggarkan lebih RM10,000 menerusi jualan hasil tanaman padi dan ternakan udang galah bagi keluasan satu hektar.

Katanya, ia berbanding hanya jualan hasil tanaman padi dianggarkan purata kira-kira RM5,000 pada keluasan sama.

Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak 140 hektar sawah di kawasan FELCRA Seberang Perak sedang diusahakan bawah program SMART SBB.

Katanya, ia adalah antara inisiatif MAFI bagi mempertingkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), iaitu sebanyak 75 peratus.

Beliau berkata, inisiatif SMART SBB dijangka meningkatkan pendapatan pesawah sebanyak 47 peratus atau RM2,521 per hektar semusim berbanding kaedah sebelum ini.

"Di kawasan FELCRA Seberang Perak, FGV Integrated Farming Holdings Bhd sebagai salah sebuah syarikat peneraju, akan memfokuskan penanaman padi wangi MRQ76.

"Padi itu adalah keluaran MARDI dengan kerjasama IADA Seberang Perak dan FELCRA Plantation Services Sdn Bhd yang memberi pulangan tinggi, iaitu RM1,540 per tan metrik berbanding padi putih yang dijual RM1,200 per tan metrik.

"FGV Holdings Berhad turut membangunkan sistem Fragrance Rice Fortified Field (3FR) yang direka khusus bagi pesawah melalui pertanian kontrak," katanya.

Selain itu, kerajaan akan meneruskan semua program input dan output pertanian bersubsidi bagi menyokong industri padi dan beras, termasuk Insentif Benih Padi Sah, Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan, Skim Insentif Pengeluaran Padi, Skim Baja dan Racun Padi Bukit, serta Skim Subsidi Harga Padi, menerusi peruntukan RM1.57 bilion dalam Belanjawan 2021 kepada MAFI.

MAFI juga akan memastikan operasi keseluruhan rantaian aktiviti pengeluaran padi dan beras negara tidak terjejas sepanjang pelaksanaan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2021	BERITA HARIAN AHAD	NASIONAL	22

Rampas 24 tan keratan ayam, 1.2 tan isi ikan

MAQIS Kedah, Johor Bahru gagalkan cubaan seludup

Oleh Noorazura Abul Rahuan dan Mary Victoria Dass
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) mengagalkan cubaan menyeludup 24 tan potongan ayam sejuk beku dan 1.2 tan isi ikan dalam dua serbuan di Kedah dan Johor minggu ini.

Di Alor Setar, Pengarah MAQIS Kedah, Lily Rosalind Paul, berkata pihaknya merampas produk ternakan itu hasil penahanan lori kontena di Kompleks Imigrasi, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, pada jam 6.15 petang, Rabu lalu.

Katanya, pemeriksaan mendapati kontena terbabit mengandungi 2,000 kotak paha ayam tanpa tulang dianggarkan bernilai RM390,240 yang cuba diseludup dari negara jiran.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati keratan ayam itu cuba dibawa masuk dengan mengemukakan maklumat tidak tepat dan dokumen yang mengelirukan.

"Kegagalan mengemukakan maklumat yang tepat atau mengelirukan adalah menjadi suatu



Penahanan lori kontena membawa 24 tan potongan ayam sejuk beku bernilai RM390,240 di ICQS Bukit Kayu Hitam, Rabu lalu.

(Foto ihsan MAQIS)

kesalahan di bawah Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak lebih dua tahun atau keduanya sekali di bawah akta sama," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sementara itu, di **Johor Bahru,** jurucakap MAQIS berkata, 1.2 tan isi ikan bernilai RM31,500 itu dirampas di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB).

Katanya, ia susulan pemeriksaan terhadap lori di laluan kenderaan import KSAB pada jam 12.30 tengah hari yang mendapati

maklumat dagangan bagi membawa masuk barangan itu mengelirukan dan tidak tepat seperti dalam permit.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan lanjut mendapati isi ikan berkenaan dipercayai dari Indonesia yang dibawa masuk ke negara ini menerusi Singapura.

"Isi ikan itu diletakkan dalam 63 kotak berasingan di lori membawa muatan pelbagai produk hasil laut sejuk beku.

"Barang itu dirampas bagi siasatan lanjut, manakala pemandu lori warga tempatan berusia 34 tahun ditahan bagi membantu siasatan sebelum dibebaskan," katanya.



Isi ikan bernilai RM31,500 yang dirampas di Kompleks Sultan Abu Bakar, Johor Bahru.

(Foto ihsan MAQIS)

PGA rampas sarang burung layang-layang, vape RM410,000

Pasir Mas: Batalion Ke-9 Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas sarang burung layang-layang dan peralatan serta cecair vape, dianggarkan bernilai RM410,000 dalam dua serbuan di Kampung Limau Purut dekat Lubok Setoi, di sini, kelmarin.

Pegawai Pemerintah Batalion 9 PGA, Superintendan Nor Azizan Yusof, berkata dalam kejadian pertama di pangkalan haram Limau Purut, sepasukan anggota merampas 23.5 kilogram sarang burung layang-layang bernilai RM188,000.

Beliau berkata, anggotanya yang sedang membuat rondaan terserempak tiga lelaki sedang memunggah kotak menggunakan tiga motosikal.

"Sebaik menyedari kehadiran anggota PGA, tiga lelaki itu kemudian memcut motosikal dan membuang semua kotak terbabit di sebuah kedai bunga, sebelum melarikan diri.

"Pemeriksaan lanjut mendapati kotak itu berisi sarang burung layang-layang disyaki diseludup masuk dari Thailand, kerana ada permintaan tinggi di negara ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Nor Azizan berkata, semua rampasan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 11(1) Akta MAQIS 2011.

Sementara itu, dalam serbuan berasingan ke sebuah rumah

kosong di kampung sama, sebanyak 1,350 botol cecair vape pelbagai perisa dan 1,450 unit peralatan menghisap vape bernilai RM222,000 turut dirampas.

Nor Azizan berkata, semua barangan itu sengaja disembunyikan di sebuah rumah tidak bernombor dan tidak berpenghuni bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

"Kita percaya rumah itu dijadikan transit sementara sebelum barangan itu diseludup ke negara jiran, melalui pangkalan haram berdekatan.

"Semua barangan rampasan itu akan diserahkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 13(a) Akta Racun 1952," katanya. **BERNAMA**

Sebaik menyedari kehadiran anggota PGA, tiga lelaki itu kemudian memcut motosikal dan membuang semua kotak terbabit di sebuah kedai bunga, sebelum melarikan diri

Nor Azizan Yusof, Pegawai Pemerintah Batalion 9, Pasukan Gerakan Am (PGA)



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2021	METRO AHAD	LOKAL	12



RIDZUAN Khalid banyak menghabiskan masa hujung minggunya di ladang lembu bagi membantu adiknya.



RIDZUAN Khalid bersama pelajarannya ketika bekerja sebagai pensyarah jurusan Perhotelan Kolej Komuniti Rompin.



RIDZUAN Khalid bersama adiknya, Hanafi (berbaju kuning).

Oleh Redzuan Muharam
am@hmetro.com.my

Bera

Sejak 12 tahun lalu, Ridzuan Khalid lebih banyak menghabiskan masanya di kampus, malah menjadi kebiasaannya tampil segar dengan memakai kemeja dan bertali leher seiring dengan kerjayanya sebagai pensyarah.

Kini, kehidupan pensyarah bidang perhotelan Kolej Komuniti Rompin, Pahang itu berubah apabila tidak hanya mengajar, tetapi juga menjadi penternak lembu di ladang dekat Felda Bukit Keapayang di sini, sejak Mac lalu.

Berbekalkan modal sebanyak RM10,000, Ridzuan, 38 membeli tiga ekor lembu dan wang itu juga digunakan bagi membina kandang.

"Sebenarnya, emak (Sapiah Arshad, 67) yang beri sokongan serta beri tambahan modal untuk saya ceburi bidang ini.

"Selain mencari pendapatan sampingan, saya nekad melabur wang simpanan ba-

PROJEK LEMBU SIR LADANG

Pensyarah berbekal modal RM10,000 jadi penternak di ladang meskipun asalnya takut mendekati lembu

gi menghargai pengorbanan adik kerana sanggup tinggal di kampung (Hanafi Khalid, 34) untuk menjaga emak serta arwah abah (Khalid Marop) yang baru meninggal dunia Februari lalu ketika saya dan adik beradik lain bekerja di luar.

"Jadi, saya cuba beri jalan kepada adik untuk jana pendapatan bersama dengan mengusahakan ladang lembu dan turut membantunya selepas waktu kerja, kebiasaannya pada hujung minggu," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Bercerita lanjut, anak kelima daripada sembilan beradik itu mengakui tiada asas

dan pengetahuan dalam soal penjagaan lembu.

Oleh kerana itu, Ridzuan mengambil inisiatif menimba ilmu daripada pengusaha ladang lembu berpengalaman di kampungnya selain mendapatkan bantuan pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk memberi khidmat nasihat.

"Tak dinafikan susah dan mencabar pada mulanya kerana tiada ilmu dalam bidang ini.

"Jujurnya, saya sendiri takut berada dekat dengan lembu sebelum ini, tetapi cuba belajar cara mengen-

dalikannya termasuk dengan menonton video di

Youtube.

"Kini, lembu peliharaan juga semakin jinak dan manja kerana sudah kenal saya tuannya cuma sejak ceburi bidang ini, gaya hidup saya banyak berubah malah pendapatan bulanan didahulukan untuk membeli keperluan haiwan ternakan," katanya.

Berhubung perkongsian-nya di TikTok yang mendapat perhatian ramai, Ridzuan berkata, akaun platform itu asalnya dibuka untuk menilai tugas diberikan kepada penuntutnya bagi subjek Promosi Jualan, Makanan dan Minuman serta *Front Office*.

Bagaimanapun, sambutan baik diterima dan peluang berkongsi ilmu kepada pengikut mendorongnya Ridzuan aktif di platform itu sehingga kini.

"Pada mulanya, saya hanya ada 50 pengikut saja, itu pun dalam kalangan penuntut yang diberikan tugas memuat naik video menarik di TikTok bagi menguji kebolehan mereka menonjolkan diri.

"Bagi memberi kefahaman kepada penuntut, saya turut sama memuat naik video supaya mereka boleh jadikan rujukan dan lihat bagaimana saya lakukannya.

"Kebanyakan rakaman vi-

deo dibuat di kampung dan Alhamdulillah, ramai beri komen positif malah gembira kerana perkongsian saya mengubah kerinduan mereka yang kini tidak dapat merentas negeri.

"Cuma, ada yang tidak menyangka saya seorang pensyarah kerana kebanyakan video menunjukkan aktiviti saya di ladang bersama lembu," katanya yang dikenali dengan nama Sir Ladang dalam kalangan pengikut di TikTok dan mempunyai lebih 25,000 pengikut di platform itu.

Ridzuan berharap, kisah dan perkongsian-nya di TikTok dapat memberi inspirasi kepada anak muda untuk menceburi bidang ternakan haiwan, perladangan atau pertanian.

"Saya percaya, ramai anak muda di luar sana minat menceburi bidang perladangan dan pertanian.

"Teruskan saja, jangan malu atau anggap bidang ini tiada masa depan kerana ramai sebenarnya sudah berjaya malah bergelar jutawan dengan menjadi penternak lembu," katanya.



MAQIS merampas 1.2 tan isi ikan sejuk beku yang dibawa masuk dari Singapura di KSAB di Iskandar Puteri.

Rampas 1.2 tan isi ikan dari Indonesia

Iskandar Puteri: Cubaan membawa masuk bekalan 1.2 tan isi ikan bernilai RM31,500 dari Indonesia di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di sini, berjaya dipatahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Jurucakap Maqis berkata, hasil pemeriksaan terhadap lori di laluan kenderaan im-

port (KSAB) pada jam 12.30 tengahari kelmarin mendapati maklumat dagangan bagi membawa masuk barangan berkenaan mengelirukan dan tidak tepat seperti dalam perngit.

Katanya, siasatan mendapati isi ikan berkenaan dipercayai dari Indonesia yang dibawa masuk ke negara ini menerusi Singapura.

"Isi ikan berkenaan diletakkan di dalam 69 kotak yang berasingan di dalam lori yang membawa muatan pelbagai produk hasil laut sejuk beku.

"Isi ikan itu dirampas manakala pemandu lori warga tempatan berusia 34 tahun juga ditahan bagi membantu siasatan sebelum dibebaskan," katanya.

Bellau berkata, perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian dengan memberikan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan adalah suatu kesalahan mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.



01 AUG, 2021

More sustainable agricultural products needed in Sabah

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 1 of 2

More sustainable agricultural products needed in Sabah

KOTA KINABALU: Agropreneurs are encouraged to develop more environmentally friendly products in line with the government's policy to promote good agricultural practices in Sabah.

Deputy Chief Minister Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey Kitingan said products such as organic pest control would reduce the use of chemical pesticides.

"The use of chemical pesticides has been proven to be dangerous not only to the health of consumers but also to the soil in the long run," he said when speaking at the virtual launch of the Farm Tokou on Saturday.

Farm Tokou is a privately held company established in 2018, specialising in modern agriculture and livestock farming. The company



DATUK SERI PANGLIMA DR JEFFREY KITINGAN

produces organic vegetables and freshwater lobsters as well as providing agricultural and livestock farming input in Sabah.

Kitingan, the Agriculture and Fisheries Minister, said sustainable farming by startups such as Farm Tokou would inspire young people in Sabah

to pursue entrepreneurial opportunities in the agricultural sector and other local industries.

"The government has provided a variety of incentives to encourage agropreneurs to contribute their ideas and efforts in order to help take our agricultural industry to the next level.

"Among these is the Bantuan Agropreneur Muda programme run by the Federal Ministry of Agriculture and Food Industry, which provides eligible agropreneurs with a monetary grant of up to RM20,000 seed money.

"The scopes also include agrotourism, support and logistics, which I believe we in Sabah can benefit from.

"I strongly encourage our Sabahan youths to apply for this grant and other grants provided by the government to assist them with their businesses," he said.



01 AUG, 2021

More sustainable agricultural products needed in Sabah

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA KINABALU: Agropreneurs are encouraged to develop more environmentally friendly products in line with the government policy to promote good agricultural practices in Sabah. Deputy Chief Minister Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey Kitingan said products such as organic pest control would reduce the use of chemical pesticides.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2021	METRO AHAD	XPRESI	36

MANFAAT TEKNOLOGI FERTIGASI

Bekas jurutera tak jemu timba ilmu bidang pertanian termasuk mengikuti kursus



HASIL bendi yang sudah matang untuk dipasarkan



KEADAAN pokok terung yang terkena racun pada awal pembibitan Najib

AGRO

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediaprima.com.my

Daripada jurutera kepada usahawan tani. Itu yang menjadi pilihan Mohd Najib Latif, 35, kira-kira enam tahun lalu kerana dia berasakan bidang pertanian mampu memberikan kehidupan yang lebih baik berbanding bekerja makan gaji.

"Bagaimanapun, perkara itu tidak mudah dicapai dan dilihat dari mata kasar kerana kejayaan tidak datang dalam sekelip mata," katanya.

Mohd Najib berkata, sepanjang bergelar usahawan tani, dia bukan tidak pernah berpaling kepada kerjaya sebelumnya kerana hampir putus asa dengan pendapatan yang tidak mampu mencukupkan komitmen bulanan.

Katanya, perkara itu berlaku dua tahun selepas

dia mengusahakan kebun seluas kira-kira 0.4 hektar yang disewanya.

"Saya sebenarnya tidak mempunyai ilmu langsung dalam bidang ini. Segalanya bermula daripada kosong selain hanya belajar dengan kawan berpengalaman.

"Kita lihat orang yang berjaya hari ini sebenarnya bukan mudah kerana mereka juga melalui proses dari bawah yang sukar. Jadi, itu pengajaran untuk saya," katanya.

Katanya, perkara paling penting ialah ilmu pengetahuan untuk mengusahakan tanaman yang diinginkan termasuk proses memasar dan menguruskan perniagaan.

"Saya awalnya hanya mengusahakan tanaman terung dan tidak tahu cara yang betul. Maksudnya memastikan bekalan tanaman tidak putus selepas hasilnya diperoleh.

"Jadi, saya belajar

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2021	METRO AHAD	XPRESI	37



TANAMAN timun secara fertigasi.



daripada kawan yang berpengalaman dan mengikuti kursus disediakan pelbagai pihak antaranya Pertubuhan Peladang, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta Jabatan Pertanian yang banyak membantu usahawan baharu," katanya.

Katanya, menerusi kursus yang disediakan itu,

dia mula belajar mengenal teknologi pertanian bagi mengusahakan tanaman sayur-sayuran yang lebih mampan.

"Daripada mengusahakan tanaman secara konvensional pada 2015, saya beralih kepada fertigasi untuk tanaman terung, cili, timun dan labu pada 2017.

"Menerusi teknologi fertigasi, pemberian baja akan dapat disukat dengan



NAJIB bersama pokok terung yang dirawat dan beransur pulih.

Hasil penggunaan teknologi ini membantu saya mendapatkan produk tanaman yang lebih bermutu daripada segi gred dan saiz. Malah tempoh matang juga lebih cepat dalam tiga hari berbanding secara konvensional

MOHD NAJIB



BERSAMA timun yang sudah matang

TANAMAN bendi secara konvensional.



lebih tepat sesuai dengan keperluan tanaman harian dan juga air," katanya.

Jelasnya, ia lebih baik berbanding kaedah konvensional yang baja ditabur dengan banyak, apabila hujan terdapat pembaziran dan jika panas air tidak mencukupi.

"Teknologi fertigasi ini juga membantu memudahkan operasi siraman yang bersifat automatik dan tidak membazirkan air.

"Hasil penggunaan teknologi ini membantu saya mendapatkan produk tanaman yang lebih bermutu daripada segi gred dan saiz. Malah tempoh matang juga lebih cepat dalam tiga hari berbanding secara konvensional," katanya.

Kini, Mohd Najib mengusahakan tanamannya di tanah seluas sekitar empat hektar yang disewa daripada Jabatan Pertanian sejak 2019.

"Saya juga mengamalkan tanaman secara bermusim mengikut gilirannya sayur-sayuran. Setakat ini, untuk rintis cili saya mampu menghasilkan purata 1,500 hingga 2,000 kilogram (kg), terung 4,000kg dan timun

empat tan.

"Tempoh matang setiap tanaman juga berbeza. Contohnya pokok cili hanya memerlukan dua bulan setengah hingga tiga bulan dan tiruan sekitar 40 hari," katanya.

Selain tanaman fertigasi, Mohd Najib juga mengusahakan tanaman kontan lattu ubi kayu dan keledak yang menjadi pendapatan sampingan untuk jangka masa panjang.

Baginya, sebagai usahawan tani, kesabaran paling utama bagi memastikan usaha yang dilakukan tidak terhenti di tengah jalan.

"Seperti dikatakan pada awal tadi, saya sudah hampir putus asa dengan kembali ke kerjaya asal, tetapi apabila difikirkan semula, ini adalah cita-cita saya dan perlu diteruskan walaupun terdapat cabaran.

"Tempoh masa untuk mendapat hasil matang tanaman adalah cabaran utama, tetapi apabila kita belajar supaya ia berterusan, maka perniagaan ini dapat berjalan dengan baik. Ilmu itu penting," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/8/2021	METRO AHAD	LOKAL	13

lokal

DURIAN LINGAI

Seorang penduduk membawa durian di atas motosikalnya untuk dijual kepada pelanggan di Kampung Lingai, Batu Rakit.

Permintaan durian kampung premium di Lingai ini masih lagi tinggi kerana memiliki rasa tersendiri dan menjadi pilihan peminat raja buah sekitar Terengganu yang dijual harga berpatutan.

Isi durian Lingai berwarna kuning dan lemak serta berkrim ditanam di kawasan berbukit yang berbatu mempengaruhi rasanya.

Pada awal musim durian baru-baru ini, durian ini dijual pada harga RM10 sekilogram namun sejak akhir minggu lalu harganya jatuh kepada RM50 hingga RM100 selonggok yang mengandungi purata 10 biji. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI



PENDUDUK, Wan Mustapa Mohd Nor, 52, (kiri) membersthan durian untuk dijual kepada pelanggan di Kampung Lingai, Batu Rakit, Kuala Terengganu.



PENDUDUK melonggok durian di tepi jalan untuk dijual kepada pelanggan di Kampung Lingai, Batu Rakit. Permintaan durian kampung premium di Lingai ini masih lagi tinggi kerana memiliki rasa tersendiri.



MOHAMAD Zulfaizi mengumpul timun baby yang baru dipetik dari kebunnya.



Timun baby fertigasi

MOHAMAD Zulfaizi Mohamad Arifin, 28, (kanan) dibantu adiknya, Mohamad Shah Idahan, 21, menunjukkan timun baby yang baru dipetik dari kebun mereka di Kampung Kubang Palas, Banggu, Kota Bharu. Berbekalkan wang modal wang simpanan sekitar RM15,000, beliau mula memberanikan diri untuk menanam 1,000 pokok timun secara fertigasi di atas tanah berkeluasan sekitar 0.3 hektar dan berjaya meraih pulangan hasil jualan timun sekitar RM20,000 di mana timun berkenaan dijual pada harga RM2 hingga RM3 sekilogram bergantung harga semasa.